

KPDNHEP pantau caj tambahan potong ayam

Oleh [Rafidah Mat Ruzki](#) - Mei 19, 2022 @ 1:51pm
fidahruzki@bh.com.my



Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi

PUTRAJAYA: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) akan memantau aduan ada peniaga ayam mengenakan caj tambahan upah memotong ayam supaya tiada pihak mengambil peluang mengenakan caj tidak berpatutan.

Menterinya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi, berkata bagaimanapun pengenaan caj tambahan upah potong itu tidak termasuk dalam harga kawalan.

Katanya, pihaknya akan memantau bagi memastikan harga ayam yang dijual kepada pengguna tidak terlalu tinggi daripada harga siling yang ditetapkan iaitu RM8.90 bagi setiap kilogram.

"Kita nak beritahu jika upah itu berpatutan kita boleh terima namun kalau setiap sekilo sampai lebih RM1 itu mungkin agak terlalu tinggi kepada pengguna.

"Jadi walaupun upah tidak dalam harga kawalan kita, kita kawal, pantau juga untuk pastikan harga ayam itu tidak terlalu tinggi daripada harga yang kita telah tetapkan," katanya pada sidang media selepas Pelancaran Logo Barang Kawalan dan Barang Subsidi serta Perhimpunan Bulanan di Dewan Serbaguna, di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai laporan BH hari ini mengenai keluhan pengguna di sekitar Johor Bahru apabila peniaga ayam mengenakan caj tambahan berkenaan.

Alexander berkata, pengenaan caj sedemikian boleh dibenarkan untuk kerja memotong ayam yang sepatutnya dijual secara bulat, namun peniaga ayam tidak seharusnya mengambil kesempatan dengan mengenakan caj yang tinggi.